

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 1
12

JAN - MAC



5

PSW BANGI TERBARU
BEROPERASI
PERTENGAHAN 2012



16

MENGENALI
CIRI-CIRI KENDERAAN
HIBRID



18

8 TIP PENJAGAAN TAYAR
UNTUK PEMANDUAN
SELAMAT DAN SELESA

Kemudahan Yang Menyokong Servis SPANCO


Profil dan Maklumat Utama

Fleet Kerajaan Persekutuan Malaysia


Seliaan SPANCO Sdn Bhd

(Dikemaskini 5 April 2012)

Profil Fleet Mengikut Model




Profil Fleet Mengikut Usia (Tahun)




Saiz fleet: 9,622

Pesanan Gantian Daripada Pelanggan Untuk Kereta-Kereta Yang Tamat Pajakan (LED) Bagi 3 Bulan Berikutnya



Status Pesanan



Pesanan Mengikut Model



Kes Kemalangan Bagi 12 Bulan



Tahap Ketersediaan Kenderaan

	Jumlah kereta	Peratus
Tersedia	9,330	96.95%
VOR – Kemalangan/Kerosakan	67	0.70%
VOR – Sedang menjalani servis	183	1.90%
VOR – Bersedia untuk diambil	43	0.45%

* VOR - Vehicle off road

Peringatan Servis

	Sampai tempoh	1 bulan	2 bulan
Servis Penyenggaraan	223	382	696

Saman

	Tertunggak
PDRM	40,619
Pihak Berkuasa Tempatan	5,251

Lebih Banyak Maklumat Dalam PRIHATIN Sepanjang 2012

TERBAIK untuk pelanggan - dan, untuk mencapai matlamat itu maka SPANCO sentiasa melakukan audit terhadap kecekapan segenap peringkat perkhidmatan di samping melaksanakan kaedah-kaedah penyelesaian terkini dalam pengurusan fleetnya. Pada masa sama, SPANCO tidak menyangkal fakta bahawa memandu adalah aktiviti yang berbahaya dan antara punca utama kematian di negara ini, malah seluruh dunia. Oleh itu, SPANCO melihat elemen paling penting dalam soal ini ialah mendidik pemandu. Mereka mesti dibimbing supaya sentiasa berhati-hati dan waspada serta mengamalkan pemanduan berhemah dalam semua keadaan cuaca dan aliran trafik selain kekal berdisiplin ketika berdepan penumpang atau jadual ketibaan yang mendesak.

SPANCO melihat bahan bacaan adalah satu cara atau pendekatan berkesan untuk mempertingkatkan kecekapan serta produktiviti pemandu. Justeru, melalui empat edisi PRIHATIN untuk 2012, SPANCO sudah merancang pelan menerbitkan artikel-artikel mengandungi maklumat, fakta dan angka yang mampu mendidik mahupun menyedarkan pemandu mengenai peranan dan tanggungjawab mereka. PRIHATIN juga menjadi wadah maklumat dan panduan pentingnya pelanggan mematuhi jadual servis, cara membuat tempahan servis, langkah perlu diambil ketika menghantar kereta ke pusat servis serta tindakan segera jika kereta mengalami kerosakan, ditimpa kemalangan ataupun kecemasan. Tidak ketinggalan, SPANCO akan sentiasa berkongsi tip mengenai pemanduan yang selamat dan berhemah bagi memantapkan kecekapan anda sebagai pemandu. Ringkasnya, produktiviti dan prestasi pemandu mesti dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya mereka fokus dan mesra.

Seterusnya, melalui edisi pertama PRIHATIN 2012 ini, SPANCO akan memperkenalkan pegawai kanan dan kakitangan utama bagi memudahkan pelanggan berurusan dengan kami. Buletin ini juga akan menerangkan dengan lebih terperinci dalam setiap keluaran mengenai fasiliti dan perkhidmatan yang disediakan.

Dari sudut operasi, SPANCO akan terus memperbaharui mutu perkhidmatan dan kepuasan pelanggan yang berurusan dengan dua Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan Bangi, Selangor. Kami juga memiliki dua pejabat di Kuching dan Kota Kinabalu bagi urusan pelanggan-pelanggan Sarawak serta Sabah. SPANCO turut melantik lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di samping francais EON dan Proton Edar bagi mengendalikan servis dan pembaikan kereta-kereta konsesi. Operasi SPANCO juga akan terus dimantapkan dengan pembukaan PSW Bangi yang baru pada pertengahan 2012 ini bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan kami iaitu Kerajaan Malaysia.

Sekian,

Peter Lim
Pengarah Eksekutif



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim
Zulkifli Abd. Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : prihatin@spanco.com.my
web : www.spanco.com.my
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel : 03-8941 4013 Faks : 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Menarik keluaran ini



DARI SIDANG PENGARANG

- 03** Lebih Banyak Maklumat Dalam PRIHATIN Sepanjang 2012

SERVIS

- 05** PSW Bangi Terbaru Beroperasi Pertengahan 2012
- 07** Berkenalan Dengan Personaliti SPANCO: Haji Mohd Wazir Junjung Amanah
- 08** Kemudahan Yang Menyokong Servis SPANCO
- 12** Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu Berorientasikan Perkhidmatan
- 13** Rakan Sekerja SPANCO Sentiasa Bersedia Membantu Anda
- 14** Maklumat Aktiviti Tahap Servis Suku Pertama 2012



TEKNOLOGI

- 16** Mengenali Ciri-Ciri Kenderaan Hibrid

PENJAGAAN KERETA

- 18** 8 Tip Penjagaan Tayar Untuk Pemanduan Selamat dan Selesa

KESELAMATAN

- 20** Anggaran Kerugian Ekonomi Dalam Masa Dua Tahun: Kemalangan Mengakibatkan Negara Kerugian RM30 Bilion



KESIHATAN

- 21** Memandu Selamat Pada Usia Emas: Kaedah Beri Tumpuan Dan Tindak Balas

PSW Bangi Terbaru Beroperasi Pertengahan 2012

DEMI memenuhi keperluan dan keselesaan pelanggan, sebuah lagi mercu tanda SPANCO diwujudkan apabila Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi baru sedang dibina di tapak seluas 2 ekar bagi menggantikan kemudahan sedia ada.

PSW terbaru itu terletak kira-kira 2km dari premis PSW Bangi yang ada sekarang dan dijadualkan dibuka serta beroperasi mulai Jun 2012.

PSW Bangi baru dibina bagi mempertingkatkan lagi kecekapan operasi pengurusan fleet dan memperbaiki tahap kepuasan pelanggan khususnya Kerajaan Malaysia.

Menggunakan piawaian pusat servis utama di Batu Caves sebagai penanda

aras, PSW Bangi bakal menyediakan servis berintegrasi sepenuhnya menggunakan konsep servis di bawah satu bumbung.

Operasi PSW Bangi akan digerakkan oleh 20 mekanik termasuk fomen dan mereka bertugas menggunakan pelbagai kemudahan serta perkakasan serba baru lagi canggih. Ia juga memiliki kaunter servis lebih luas, menyediakan lebih banyak petak letak kereta pelanggan dan ruang menunggu yang lebih selesa.

Di samping itu turut dimanfaatkan ialah aliran kerja yang lebih cekap dan ruang simpanan alat ganti lebih luas.

Pusat servis itu menyediakan 24 petak servis dan 17 daripadanya khusus bagi servis berjadual dan pembaikan



Pintu masuk berbumbung menyambut kedatangan tetamu dan pelanggan.

Alamat :

No. 6, Jalan 9/1, Seksyen 9,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

Tel : 603 - 8920 1990

Faks : 603 - 8920 1992

Petak servis : 24

Kapasiti : 90 kereta

Pengurus Cawangan :


Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim

manakala dua petak dikhaskan untuk servis penghawa dingin serta pendawaian. Empat petak lain untuk servis tayar, pengimbangan serta penjajaran manakala satu petak disediakan bagi tugas-tugas am lain.

PSW Bangi memiliki kapasiti untuk melaksanakan 90 tugas servis dan pembaikan dalam sehari berbanding 45 tugas sebelumnya. Semua tugas juga bakal dilakukan di bawah satu bumbung berbanding ketika ini di mana servis tayar dan penghawa dingin dihantar ke bengkel luar.

Servis yang disediakan ialah penyenggaraan berjadual, pembaikan mekanikal, rombak rawat, hawa dingin, pendawaian elektrik, penggantian, pengimbangan dan penjajaran tayar serta pencucian.

Selain itu, mekanik ditugaskan di petak servis yang tersendiri bagi membolehkan pembahagian tugas yang teratur dan lancar.



Bumbung tembus cahaya dan lantai kemasan epoksi kalis air.

Pandangan sisi bangunan dengan profil dan perincian yang menarik.

Subkontraktor pula akan ditempatkan di bawah bumbung yang sama sekaligus mengurangkan risiko berkaitan logistik dan membolehkan kawalan kualiti yang lebih baik. Tahap keselamatan turut dipertingkatkan dengan SPANCO membina pagar dan menyediakan tempat letak kereta yang dikhaskan.

Sehubungan itu, hasrat dan harapan SPANCO ialah supaya pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam menjadikan pusat servis moden dan termaju ini sebagai pilihan utama untuk segala urusan servis fleet mereka.



PSW Bangi baru dibina bagi mempertingkatkan lagi kecekapan operasi pengurusan fleet dan memperbaiki tahap kepuasan pelanggan khususnya Kerajaan Malaysia.



Berkenalan Dengan Personaliti SPANCO Haji Mohd Wazir Junjung Amanah

SETIMPAL pengalaman, kemahiran dan keupayaan sebagai jurutera telah melayakkan Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim, menyandang jawatan Pengurus SPANCO Cawangan Bangi yang mengendalikan Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi, sejak 2007.

Berusia 40 tahun, anak kelahiran Chemor, Perak itu adalah graduan jurusan mekatronik dari Solihull College, United Kingdom. Mekatronik adalah jurusan yang menggabungkan kajian kejuruteraan mekanikal dan elektronik.

Haji Mohd Wazir memiliki 20 tahun pengalaman dalam bidang pembaikan automotif termasuk mula berkhidmat dengan SPANCO sejak 1997 dan pernah bertugas di syarikat pengeluar tayar Silverstone selama empat tahun.

Kerjayanya di SPANCO bermula sebagai jurutera, kemudian dilantik mengisi jawatan eksekutif kanan seterusnya menjadi Penolong Pengurus di Jabatan Kawalan Kualiti dan Teknikal sebelum mengambil alih jawatan Penolong Pengurus Woksyop di PSW Batu Caves pada akhir 2005.

Selepas itu, Haji Mohd Wazir dilantik sebagai Pengurus Woksyop pada 2007 dan pada penghujung tahun yang sama

dipindahkan ke PSW Bangi sebagai Pengurus Cawangan.

Beliau adalah antara tenaga utama yang terlibat dalam proses mendapatkan pengiktirafan ISO untuk pusat servis SPANCO lebih sedekad yang lalu dan salah seorang tonggak dalam perancangan susur atur pembinaan PSW Batu Caves. Terkini, perancangan pembinaan PSW Bangi yang baru merupakan satu lagi projek seliaan beliau.

Sebagai seorang profesional, prinsip Haji Mohd Wazir ialah beramanah dalam memikul tugas, sentiasa mengutamakan kualiti dan bersungguh-sungguh melaksanakan segala urusan dipertanggungjawabkan.

Bagi beliau, pengalaman berharga buat dirinya ialah apabila mendapat sepenuh kepercayaan pelanggan setiap kali menerima kereta untuk diservis dan kemudian disusuli ucapan penghargaan dari bibir pelanggan kerana berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima.

Pada masa sama, Haji Wazir meminta kerjasama pelanggan supaya menghargai dan memanfaatkan kereta serta kemudahan yang disediakan oleh SPANCO dengan menjaganya sebaik mungkin.

Dengan sokongan dan kerjasama yang diberikan pelanggan ditambah pula dengan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada pasukan SPANCO maka beliau yakin tahap keupayaan fleet dapat dipertingkatkan sepenuhnya.

“Sebagai Pengurus Cawangan Bangi, kami mengalu-alukan kehadiran pelanggan ke PSW Bangi baru yang bakal beroperasi pada Jun 2012,” katanya.

Jika terdapat sebarang masalah, katanya, pelanggan boleh mengemukakan pertanyaan atau kemusykilan kepada pasukan SPANCO yang bersedia membantu mereka. Haji Wazir boleh dihubungi melalui telefon bimbit: 012-2971027.



Sebagai Pengurus Cawangan Bangi, kami mengalu-alukan kehadiran pelanggan ke PSW Bangi baru yang bakal beroperasi pada Jun 2012.

Kemudahan Yang Menyokong Servis SPANCO

MUNGKIN ada di kalangan pelanggan terutama yang baru menyertai sektor perkhidmatan awam tertanya-tanya mengenai perkhidmatan yang disediakan SPANCO kepada Kerajaan Malaysia.

Sebenarnya, perkhidmatan SPANCO adalah menyeluruh dan tidak terbatas kepada pembekalan kereta-kereta saloon semata-mata malah merangkumi pengurusan, penyenggaraan dan pembaikan fleet tersebut.

Malah sejurus pelanggan menerima kunci kereta mereka, tugas utama SPANCO tertumpu kepada aspek penjagaan fleet dan pencegahan kerosakan untuk jangka masa empat hingga lima tahun berikutnya.

Tempoh itu adalah tempoh kitaran kereta saloon dipajak atau disewa oleh sesebuah agensi, jabatan dan kementerian Kerajaan Persekutuan.

Secara amnya, kereta kegunaan sesebuah agensi atau jabatan dipajak bagi tempoh lima tahun manakala kereta rasmi jawatan (KRJ) yang digunakan pegawai perkhidmatan awam berkelayakan adalah selama empat tahun.

Bagi menyokong perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan sepanjang tempoh itu, SPANCO menyediakan beberapa kemudahan lengkap seperti berikut:

1. Dua pusat servis utama di Batu Caves dan di Bangi, Selangor.
2. Dua pejabat wilayah di Kuching, Sarawak dan di Kota Kinabalu, Sabah.
3. Melantik lebih 200 pusat servis diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.
4. Sistem Maklumat Pengurusan Fleet berintegrasi sepenuhnya.

SKOP PERKHIDMATAN SPANCO:

- 1 Pembekalan dan pengurusan fleet
- 2 Penyenggaraan dan pembaikan fleet

PENYENGKARAAN DAN PEMBAIKAN MERANGKUMI:

- Servis berjadual
- Servis cegahan
- Pembaikan kerosakan dan kemalangan
- Pusat Panggilan 24 jam bagi kerosakan
1-800-88-6999
- Bantuan kecemasan dan tunda 24 jam
- Audit servis



Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves

Ia dibuka pada Julai 2005, menggantikan pusat servis SPANCO yang beroperasi di Segambut, Kuala Lumpur sebelum itu.

Terletak di tapak seluas 5 ekar dengan keluasan terbina 24,254 kaki persegi.

PSW Batu Caves adalah satu dari dua pusat servis utama SPANCO selain sebuah lagi beroperasi di Bangi, Selangor.

Pusat servis moden yang mendapat pengiktirafan antarabangsa ISO ini menyediakan kemudahan serba lengkap menggabungkan teknologi terkini dan peralatan automotif termaju.

Peralatan yang digunakan adalah mesra alam dan menepati piawaian tertinggi ditetapkan Proton antaranya MUT III, alat penjajaran roda berkomputer, alat pam minyak pneumatik dan pengumpul sisa.

Ia juga mampu menyiapkan 90 servis biasa dalam sehari dengan memiliki 30 petak servis di bawah bumbungnya.

Tenaga kerjanya berupaya mengendalikan semua jenis

perkhidmatan senggaraan dan pembaikan yang termaktub di bawah perjanjian konsesi seperti servis berjadual, servis cegahan, pembaikan kerosakan dan pembaikan kemalangan.

Selain menjadi pusat servis, PSW Batu Caves juga menempatkan pejabat pentadbiran, operasi fleet, khidmat pelanggan dan tempat simpanan kereta.

(DAPATKAN huraian lebih terperinci mengenai PSW Batu Caves dan kakitangan yang mengendalikannya dalam PRIHATIN keluaran akan datang).



PSW Batu Caves dianugerahkan Sijil ISO 9001:2008 iaitu piawaian mutu antarabangsa serta sijil piawaian mutu sektor penyenggaraan dan servis fleet kenderaan.

Alamat : No. 2, Jalan Perusahaan 2,
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

Tel : 603 - 6192 8888
Faks : 603 - 6192 8889

Petak servis : 30
Kapasiti : 90 kereta

Pengurus Servis Woksyop :
Md. Latif Ismail

PSW Batu Caves dianugerahkan Sijil ISO 9001:2008 iaitu piawaian mutu antarabangsa serta sijil piawaian mutu sektor penyenggaraan dan servis fleet kenderaan

Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi

Sebuah lagi pusat servis utama yang disediakan oleh SPANCO ialah PSW Bangi yang dibina bagi menampung keperluan servis untuk fleet terutama dari sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Mula beroperasi di Puchong, Selangor pada 1999 sebelum dipindahkan ke Bangi pada 2003.

Kemudahan PSW Bangi sentiasa dinaiktaraf dan dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi menampung permintaan pelanggan yang semakin bertambah.

Bagaimanapun ia akan ditutup secara rasmi pada pertengahan 2012 bagi memberi laluan kepada PSW Bangi yang baru di lokasi yang lebih luas dan berintegrasi sepenuhnya.

(SILA baca artikel mengenai PSW Bangi yang baru di muka surat 5 dan 6).

Alamat : 33 Jalan P/21,
Taman Perindustrian Selaman,
Seksyen 10, 43650 Bandar Baru
Bangi, Selangor Darul Ehsan

Tel : 603 -8920 1990
Faks : 603 - 8920 1992

Petak servis : 10
Kapasiti : 45 kereta

Pengurus Cawangan :
Haji Mohd Wazir Ahmad Kassim

Pejabat Wilayah Sarawak dan Sabah

Terdapat dua pejabat wilayah bagi menampung keperluan penjawat awam yang menggunakan perkhidmatan SPANCO di Sarawak dan Sabah.

Bagi kemudahan pelanggan SPANCO, kedua-dua Pejabat Wilayah Sarawak dan Sabah ditempatkan di lokasi sama dengan pusat alat ganti dan servis EON iaitu masing-masing di cawangan Kuching dan cawangan Kota Kinabalu.

Pejabat Wilayah – Sarawak

Alamat : Tingkat 2, Lot 31 Blok 10, KLCD,
Jalan Rock Road, 93250 Kuching,
Sarawak

Tel : 082 - 234 095
Faks : 082 - 237 617

Pengurus Cawangan :
Azmi Yusuff

Pejabat Wilayah – Sabah

Alamat : Miles 5.5, Jalan Tuaran Inanam,
88806 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 088 - 431 886, 437 886
Faks : 088 - 431 887

Pengurus Cawangan :
Mohd Fahimi Ismail





servis

Pusat Servis Diiktiraf

Pusat Servis Diiktiraf (PSD) adalah panel yang dilantik SPANCO untuk mengendalikan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kereta fleet konsesi.

Terdapat lebih 200 PSD di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan menyeluruh iaitu servis biasa, servis kerosakan, pembaikan kemalangan, rombak rawat, pendawaian, servis tayar, bateri dan penghawa dingin serta khidmat tunda.

Pelanggan SPANCO boleh menghantar kereta jabatan atau rasmi ke mana-mana PSD berdekatan untuk mendapatkan servis dikehendaki.

Bagi menjamin tahap perkhidmatan PSD adalah setanding dengan apa yang disediakan di pusat servis utama SPANCO, Pengurusan Fleet Profesional menetapkan tanda aras yang tinggi di dalam pemilihan.

Prestasi PSD juga sentiasa dipantau apabila pasukan pengurusan SPANCO melakukan audit servis dari masa ke semasa bagi memastikan mutu perkhidmatan yang tinggi dan memuaskan dicapai serta dikekalkan.

Kriteria pelantikan PSD:

- Lokasi yang mudah
- Memiliki kemudahan asas
- Diiktiraf PIAM
- Servis yang berlainan
- Menggunakan alat ganti tulen
- Mengutamakan pelanggan SPANCO

**UNTUK BANTUAN DAN MAKLUM BALAS,
SILA HUBUNGI TALIAN BEBAS TOL 24 JAM
1-800-88-6999**



- ★ Pusat Servis Wilayah - 2
- ▲ Pejabat Wilayah - 2
- Pusat Servis Diiktiraf - > 200

Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu Berorientasikan Perkhidmatan

SELAIN kemudahan dan kelengkapan fizikal disediakan untuk pelanggan, perkhidmatan SPANCO tidak mungkin lancar dan pantas tanpa sokongan sebuah sistem teknologi maklumat (IT) yang diyakini.

Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu adalah berorientasikan perkhidmatan (service-oriented) dan menggabungkan pelbagai modul yang berintegrasi sepenuhnya.

Sistem telah melalui beberapa peringkat inovasi dan pembaharuan dari masa ke semasa. Ia dibangunkan sendiri pasukan SPANCO hasil pengalaman syarikat terbabit dalam industri pengurusan fleet sejak 1993.

Modul yang menumpukan kepada perkhidmatan dan berfungsi secara bersepadu adalah seperti:

- Pengurusan pesanan kenderaan
- Pengurusan maklumat kenderaan
- Pengurusan pengguna dan pemandu
- Pelupusan dan penamatan
- Program penggantian
- Pengurusan dan kawalan woksypop
- Pengurusan pusat servis diiktiraf
- Inventori alat ganti
- Pengurusan kemalangan dan saman
- Pengebilan dan invois

Di samping itu *Portal Fleet Online* adalah kemudahan IT yang dibangunkan khusus untuk pelanggan SPANCO. Melalui perkhidmatan berasaskan web itu, pelanggan boleh mencapai maklumat dan butiran kenderaan seperti

status pembaikan, tarikh servis berikutnya, jumlah saman tertunggak, status pesanan, tahap kesediaan fleet dan sebagainya secara dalam talian dan pada masa sebenar. Sila layari www.spanco.com.my

ASC e-approval pula adalah sistem perkhidmatan dalam talian yang disediakan untuk PSD mendapatkan kelulusan melalui Internet.

Pelaksanaan sistem yang berkesan dan diyakini ini selaras aspirasi Pengurusan Fleet Profesional untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada pelanggan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang sentiasa diperbaharui.



...Portal Fleet Online adalah kemudahan IT yang dibangunkan khusus untuk pelanggan SPANCO.



Rakan Sekerja SPANCO Sentiasa Bersedia Membantu Anda

PELANGGAN boleh menghubungi Pusat Panggilan SPANCO melalui talian bebas tol 24 jam **1-800-88-6999** untuk mendapatkan perkhidmatan atau jika terdapat sebarang pertanyaan, kemusykilan mahupun aduan mengenai servis kami.

Di samping itu, anda boleh menghubungi rakan sekerja kami dari Bahagian Servis yang berikut secara terus melalui telefon bimbit dan emel mereka seperti yang tertera di bawah:



Peter Lim

Pengarah Eksekutif
Tel : 03-6192 8868
Telefon bimbit : 012-271 6162
emel :
peterlim@spanco.com.my



Haji Azahari Md Lazim

Pengurus, Teknikal dan Kawalan
Senggaraan
Tel : 03-6192 8811
Telefon bimbit : 016-279 6028
emel : azahari@spanco.com.my



Md Latif Ismail

Pengurus, Woksyop
Tel : 03-6192 8888/8899
Telefon bimbit : 017-393 3873
emel :
mdlatif@spanco.com.my



Shaiful Azhar Maarup

Penolong Pengurus, Woksyop
Tel : 03-6192 8870
Telefon bimbit : 019-3744494
emel : shaiful@spanco.com.my



**Haji Mohd Wazir
Ahmad Kassim**

Pengurus Cawangan, Bangi
Tel : 03-8920 1990
Telefon bimbit : 012-297 1027
emel : wazir@spanco.com.my



Azmi Yusuff

Pengurus Cawangan, Sarawak
Tel : 082-234 095
Telefon bimbit : 016-884 0119
emel :
azmi_yusuff@spanco.com.my



Mohd Fahimi Ismail

Pengurus Cawangan, Sabah
Tel : 088-431 886, 437 886
Telefon bimbit : 016-223 4688
emel : fahimi@spanco.com.my

Maklumat Aktiviti Tahap Servis Suku Pertama 2012

LEBIH 17,000 tugas servis disiapkan dan purata 97.62% kenderaan tersedia untuk digunakan dalam sehari, demikian antara yang dicatatkan oleh fleet Kerajaan Malaysia seliaan SPANCO bagi tempoh tiga bulan pertama 2012.

Berikut adalah huraian aktiviti tahap servis dari Januari hingga Mac.

I. Throughput

Jumlah *throughput* atau tugas servis yang dilaksanakan ke atas fleet bagi suku pertama 2012 adalah 17,936.

Dari jumlah itu, 4,366 dilakukan di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves; PSW Bangi (3,401) dan selebihnya 10,169 di Pusat-Pusat Servis Diiktiraf (PSD).

Dari segi peratusan, PSW Batu Caves menyiapkan 24.34% dari keseluruhan *throughput*, PSW Bangi (18.96%) manakala PSD (56.70%).

Bagi pecahan bulanan, jumlah *throughput* yang dicatat pada Januari 2012 adalah 5,363; Februari (5,861) dan Mac (6,712).

Ini menjadikan purata *throughput* sebanyak 5,979 sebulan bagi tempoh suku pertama 2012.

Secara perbandingan, purata *throughput* yang diperolehi pada 2011 adalah 6,351 sebulan.

PENJELASAN ISTILAH

Throughput bermaksud jumlah tugas servis yang disiapkan.


VOR adalah istilah dalam industri automotif bermaksud kenderaan yang sedang menjalani servis sama ada berjadual ataupun baik pulih sekali gus tidak dapat digunakan.

Turnaround time ialah tempoh senggaraan iaitu masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu tugas servis.

Jadual 1 : Throughput Suku Pertama 2012

	Januari	Februari	Mac
PSW Batu Caves	1,304	1,448	1,614
PSW Bangi	1,124	1,023	1,254
PSD	2,935	3,390	3,844
Jumlah	5,363	5,861	6,712

Analisis 'Throughput' SPANCO Bagi Suku Pertama 2012



Purata 229 buah kereta tidak boleh gerak (VOR) dalam sehari kerana menjalani penyenggaraan atau pembaikan di pusat-pusat servis.

II. Vehicle off road

Bagi tempoh suku pertama 2012, purata 229 buah kereta tidak boleh gerak (VOR) dalam sehari kerana menjalani penyenggaraan atau pembaikan di pusat-pusat servis.

Dari segi peratusan, jumlah VOR (vehicle off road) itu mewakili 2.38% dari jumlah keseluruhan fleet SPANCO yang dipajak oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari segi bulanan pula, VOR bagi Januari 2012 adalah 216 buah (2.24%) Februari adalah 233 buah (2.43%) manakala Mac 237 buah (2.47%).

Bagi meningkatkan tahap ketersediaan (availability), sasaran Pengurusan Fleet Profesional adalah untuk mencatatkan hanya 200 buah kereta VOR dalam sehari dari jumlah keseluruhan fleet yang kini hampir mencecah 10,000 buah.

Jadual 2 : Purata Bilangan Kereta Tidak Boleh Gerak Dalam Sehari


Suku Pertama 2012	Bilangan	Peratus
Januari	216	2.24%
Februari	233	2.43%
Mac	237	2.47%
Purata Keseluruhan	229	2.38%

III. Tempoh senggaraan (turnaround time)

Bagi suku pertama 2012, sejumlah 73% tugas servis disiapkan pada hari yang sama, 11% mengambil masa sehari, 4% (dua hari), 6% (tiga hingga lima hari) dan 6% (enam hari atau lebih).

Sebanyak 1,805 tugas servis di PSW Batu Caves (41.92%) disiapkan pada hari yang sama, manakala 2,336 (68.95%) di PSW Bangi dan 8,650 (86.13%) di PSD.

Demi mempertingkatkan tahap kepuasan dan keselesaan pelanggan, sasaran SPANCO adalah untuk mempercepatkan tempoh senggaraan iaitu tempoh tugas disiapkan setiap kali mereka menghantar kereta ke panel pusat servis.




Keseluruhan Servis SPANCO Mengikut Tempoh Senggaraan Bagi Suku Pertama 2012

Jadual 3 : Tempoh Senggaraan Bagi Suku Pertama 2012

	Hari yang sama	1 Hari	2 hari	3-5 Hari	6 Hari atau lebih	Jumlah
PSW Batu Caves	1,805	765	421	657	658	4,306
PSW Bangi	2,336	508	136	201	207	3,388
PSD	8,650	705	239	220	229	10,043
Peratus Keseluruhan	73%	11%	4%	6%	6%	17,737

Jumlah Servis Mengikut Tempoh Disiapkan Bagi Suku Pertama 2012



Mengenali Ciri-Ciri Kenderaan Hibrid

Lanjutan daripada topik mengenai bahan api alternatif sebelum ini yang membincangkan mengenai kenderaan elektrik (EV), PRIHATIN memaparkan satu lagi alternatif iaitu teknologi hibrid

KENDERAAN hibrid menggunakan enjin pembakaran dalaman (ICE) dan motor elektrik untuk mendapatkan kuasa serta penjimatan bahan api maksimum dengan pelepasan karbon yang minimum. Cara ia beroperasi dan hasilnya adalah berbeza antara model-model yang ada.

Persamaan antara semua hibrid adalah keupayaan menghasilkan aliran elektrik yang disimpan di dalam bateri besar dan aliran itu digunakan untuk menggerakkan kenderaan.


Hibrid juga boleh menjimatkan tenaga dengan mematikan ICE apabila kenderaan itu diparkir, tidak bergerak di simpang lampu isyarat atau berhenti dalam kesesakan lalu lintas atau pun apabila tenaga elektrik mencukupi untuk memandu kereta tanpa bantuan ICE.

Hibrid mempunyai sistem brek jana semula yang menghasilkan kuasa elektrik untuk disalurkan kembali ke dalam bateri. Apabila pemandu menggunakan brek, motor elektrik berubah menjadi generator dan seretan magnetik akan memperlahankan kenderaan itu.


Walau bagaimanapun untuk keselamatan, terdapat juga sistem hidraulik yang memberhentikan kereta apabila brek jana semula tidak memadai.

Hibrid Selari – Transmisi digerakkan menggunakan kedua-dua motor elektrik dan ICE. Ia boleh beroperasi secara bersama atau bergilir-gilir di mana salah satu boleh digunakan sebagai sumber kuasa tambahan apabila diperlukan untuk menghidupkan enjin, mendaki

bukit dan memecut untuk memotong. Ia dianggap sebagai selari kerana kedua-dua punca kuasa ini disambungkan kepada komponen kuasa.



Hibrid Bersiri – Enjin petrol atau diesel, serta sebuah generator digunakan untuk menjana elektrik tetapi bukan untuk menggerakkan kereta. Enjinnya boleh mengalirkan elektrik terus kepada motor elektrik atau mengecas sebuah bateri besar yang menyimpan tenaga elektrik sebagai bekalan kepada motor elektrik apabila diperlukan. Motor elektrik menggerakkan kenderaan dengan memusing aci pacu atau gandar pacu yang memutarakan tayar.



Hibrid Plug-in - Memandangkan hibrid *plug-in* mempunyai bateri yang lebih besar yang boleh dicas melalui mana-mana soket elektrik 110-volt biasa, ia boleh memanjangkan keupayaan motor elektriknya untuk memandu kereta lebih jauh tanpa perlu menghidupkan ICE. Cara ini meningkatkan lagi kecekapan bahan api kenderaan di mana ia dianggarkan mampu mencapai 100 mpg!

Hibrid dua mod - Akhir sekali, hibrid dua mod mungkin akan memberi persaingan sengit dalam pasaran hibrid. Tidak seperti hibrid biasa yang memiliki bateri penyimpanan yang besar, hibrid dua mod menggunakan bateri kecil dan dua motor elektrik yang terdapat di dalam transmisi automatik dengan dua set gear – satu untuk ICE dan yang satu lagi untuk meningkatkan kuasa motor elektrik. Transmisi juga boleh berfungsi sebagai transmisi boleh ubah berterusan.

Dalam satu mod iaitu pada kelajuan rendah, kenderaan tersebut boleh bergerak dengan satu atau kedua-dua motor elektrik, sama ada dengan ICE ataupun tidak, atau menggunakan ICE sepenuhnya.

Pada kelajuan tinggi pula, mod kedua mula berfungsi di mana ICE berfungsi secara berterusan dalam nisbah gear yang lebih tinggi.


Hibrid plug-in



Palam pengecaj



Persamaan antara semua hibrid adalah keupayaan menghasilkan aliran elektrik yang disimpan di dalam bateri besar dan aliran itu digunakan untuk menggerakkan kenderaan.



Hibrid dua mod

8 Tip Penjagaan Tayar Untuk Pemanduan Selamat dan Selesa



1. Tugas besar untuk permukaan kecil

Bahagian tayar kereta yang menyentuh permukaan jalan saiznya sekadar selebar tapak tangan. Namun keselamatan, keselesaan dan penjimatan petrol bergantung kepada ruang kecil itu. Justeru, tayar sangat penting kerana:

- Cuma ia yang menghubungkan kereta anda dengan jalan.
- Menampung keseluruhan berat kereta yang 50 kali lebih berat daripada tayar itu sendiri.
- Memberi kesan kepada daya pemanduan sama ada mengawal stereng, memecut atau membrek.
- Menyerap segala halangan dan objek di atas jalan.

Tip: Pastikan anda bukan sahaja memilih tayar yang betul malah sentiasa

melakukan senggaraan bagi memastikan ia berfungsi pada tahap terbaik.

2. Menyukat keselamatan dengan pantas dan mudah

Pastikan sentiasa memeriksa jalur bunga tayar. Ini menjamin jajaran dan cengkaman sekali gus menghindar daripada sebarang kejadian tidak diingini. Keselamatan anda dan penumpang bergantung kepada tahap ketebalan bunga tayar yang bagus kerana:

- Bunga membelah air di bawah tayar dan membantu mengekalkan cengkaman.
- Semakin banyak bunga tayar, semakin banyak anda dapat hindarkan risiko biasan air (aquaplaning).
- Tahap cengkaman pada permukaan jalan menentukan jarak anda perlu menekan brek.
- Betulkan tekanan udara tayar sekerap anda melakukan senggaraan kereta bagi memastikan prestasi tayar pada tahap terbaik selama mungkin.

Tip: Tukar tayar sebelum penipisan bunga mencecah 1.6 sentimeter. Untuk lebih mudah, kebanyakan tayar dilengkapi penanda penipisan pada jalur utama bagi mengesan tahap itu.

3. Untuk kawalan sempurna, pasang tayar baru pada 'axle' belakang

Tayar belakang tidak dihubungkan kepada roda stereng, maka sukar untuk menentukan cengkamannya ketika memandu. Justeru untuk keselamatan, pastikan sentiasa memasang tayar yang baru atau setidak-tidaknya yang kurang haus pada gandar (axle) belakang bagi memastikan:



- Kawalan lebih baik ketika membrek kecemasan atau melalui selekoh tajam.
- Mengurangkan risiko kenderaan terbabas pada permukaan basah.
- Pemanduan yang lebih baik khususnya dalam situasi sukar sama ada bagi pacuan roda depan atau belakang.

Tip: Kerap memeriksa tekanan angin dan keadaan tayar terutama ketika melakukan penggiliran (rotation) kerana sesetengah kenderaan menetapkan tekanan angin berbeza antara tayar depan dan belakang.

4. Lakukan pengimbangan supaya tayar tahan lebih lama

Imbangan yang betul melindungi tayar daripada lupus sebelum tempoh selain menghindar gegaran. Ia turut melindungi sistem suspensi dan pemanduan selain bearing kereta anda. Adalah penting membetulkan pengimbangan tayar untuk:

- Mengagihkan beban kepada keempat-empat tayar secara sama rata.

- Melindungi tayar daripada rosak atau haus lebih awal.
- Mengurangkan gegaran sekali gus pemanduan anda lebih selesa.

Tip: Sentiasa melakukan pengimbangan



tayar belakang dan depan supaya hayat tayar dapat dipanjangkan.

5. Periksa tekanan tayar setiap bulan

Tekanan angin tayar yang betul mengurangkan risiko kereta hilang kawalan. Ia juga melindungi tayar daripada cepat lusuh dan kerosakan pada bahagian dalam. Tekanan angin boleh berkurangan kerana udara meresap keluar dan faktor binaan tayar atau cuaca. Justeru, penting memeriksa angin tayar kerana:

- Tekanan angin rendah meningkatkan risiko kerosakan tayar.
- Kekurangan sehingga 20 peratus tekanan angin dari yang sepatutnya boleh memendekkan hayat tayar sehingga 10,000 kilometer.
- Tekanan angin tayar yang sempurna menjimatkan petrol.

Tip: Periksa tekanan tayar termasuk tayar gantian secara bulanan atau sebelum memulakan perjalanan

jauh. Lakukan ketika tayar sejuk. Jika tayar panas, tambah tekanan 4 - 5 psi berbanding tahap yang disarankan pengeluar.

6. Penutup injap tayar melindungi anda dan tayar

Jangka hayat injap tayar yang lazimnya diperbuat daripada getah, tertakluk kepada tempoh tertentu sebelum rosak. Pada kelajuan tinggi, rekahan pada injap boleh menyebabkan angin meresap keluar. Justeru, ganti injap setiap kali menukar tayar baru.

Penutup injap juga penting. Ia menghalang angin keluar selain injap dimasuki habuk atau lumpur. Oleh itu, anda perlu memeriksa injap dan penutupnya untuk:

- Mengekalkan kedap udara.
- Memanjangkan hayat tayar.
- Memastikan tekanan angin yang betul.

Tip: Tukar injap setiap kali menukar tayar baru. Ia kaedah terbaik melindungi tayar, kenderaan dan diri anda.

7. Pastikan keselamatan dengan penjajaran tayar yang betul

Tahap penjajaran tayar agak sukar untuk dinilai semasa memandu. Bagaimanapun penjajaran yang tidak betul boleh menjejaskan pengendalian kenderaan dan keselamatan anda. Justeru penjajaran tayar yang sempurna sangat penting bagi:

- Mendapatkan tahap pengendalian kenderaan yang terbaik.
- Melindungi tayar daripada kerosakan.
- Menjimatkan petrol.

Tip: Cara mudah bagi mengetahui jika penjajaran perlu dilakukan ialah dengan memeriksa tayar untuk mengesan tanda-tanda penipisan yang tidak sama rata.

8. Rujuk profesional untuk membaiki tayar

Jika rosak, tayar perlu diperiksa oleh pusat servis atau juruteknik tayar yang diiktiraf. Ini sangat penting kerana kerosakan dalaman tidak boleh dilihat

ketika tayar dibuka. Profesional itu akan:

- Mengenal pasti sama ada terdapat kerosakan dalaman yang tidak dapat dikesan pada luaran.
- Memastikan kaedah dan peralatan yang betul digunakan untuk membaiki tayar.
- Memastikan tayar dibuka dan dipasangkan semula dengan betul untuk pemanduan yang optimum, selamat dan selesa.

Tip: Untuk diagnosis yang betul dan jaminan keselamatan, dapatkan khidmat profesional.

sumber: Peringatan keselamatan oleh Michelin



Tekanan angin tayar yang betul mengurangkan risiko kereta hilang kawalan. Ia juga melindungi tayar daripada cepat lusuh dan kerosakan pada bahagian dalam.



Anggaran Kerugian Ekonomi Dalam Masa Dua Tahun: Kemalangan Mengakibatkan Negara Kerugian RM30 Bilion

MENURUT kajian, nilai hayat seorang rakyat Malaysia adalah antara RM1.2 hingga RM3.1 juta daripada segi sumbangan kepada negara dan masyarakat seperti dimaklumkan dalam laman web Institut Kajian Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) baru-baru ini.

Kajian bertajuk: *Nilai hayat rakyat Malaysia yang menggunakan jalan raya: Kajian seluruh negara*, merupakan usaha untuk meletakkan nilai kewangan atas hayat rakyat Malaysia supaya pelaburan untuk melindungi setiap nyawa nampak berbaloi.

Kajian bersama tersebut dijalankan oleh Profesor Madya Nor Ghani Md Nor dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan pensyarah kanan pengurusan perniagaan dari Universiti Teknologi Mara, Mohd Faudzi Mohd Yusoff.

Pada masa lalu, kerana ketiadaan anggaran atas nilai nyawa maka sukar bagi pembuat dasar untuk menetapkan bajet yang bersesuaian dalam melaksanakan dasar keselamatan jalan raya.

Menurut kajian yang dijalankan, nilai dikira berdasarkan berapakah yang dapat disumbangkan oleh setiap rakyat kepada masyarakat (dalam bentuk cukai pendapatan, kuasa membeli, dan lain-lain) sekiranya mereka hidup menurut statistik hayat normal.

Ketua Pengarah MIROS, Prof. Dr. Wong Shaw Voon, berkata kadar kematian akibat kemalangan jalan raya adalah antara 6,872 dan 6,877 dalam tempoh dua tahun ini dan



...nilai dikira berdasarkan berapakah yang dapat disumbangkan oleh setiap rakyat kepada masyarakat (dalam bentuk cukai pendapatan, kuasa membeli, dan lain-lain) sekiranya mereka hidup menurut statistik hayat normal.

purata kerugian negara adalah sebanyak RM29.4 bilion dalam bentuk potensi sumbangan bagi tempoh itu.

“Sebahagian besar kemalangan maut melibatkan pemandu muda. Potensi penuh mereka sebagai ahli masyarakat yang menyumbang tidak terlaksana.

“Ini ialah anggaran kasar sahaja tetapi ia menunjukkan betapa buruk padahnya kepada negara daripada kematian akibat kemalangan jalan raya.

“Kita juga perlu mengambil kira kehilangan bakat atau modal insan negara. Kematian juga mengurangkan produktiviti ahli keluarga dan rakan-rakan si mati kerana emosi mereka juga terjejas,” katanya.

Beliau berkata, bahawa sukar untuk meletakkan nilai kewangan yang tepat pada setiap nyawa yang hilang atau selamat kerana ia sangat subjektif.

“Tetapi realitinya, negara kerugian setiap kali ahli masyarakat yang menyumbang meninggal dunia. Sekiranya boleh diukur, kerugian tersebut boleh mencapai beberapa bilion ringgit,” katanya.

Menurut Dr. Wong, setiap orang mesti mempertimbangkan perkara ini sebelum mereka mengambil risiko yang tidak perlu ketika memandu dan pembuat dasar juga mesti mempertimbangkan kemungkinan jika tidak melaksanakan inisiatif keselamatan jalan raya.

Sumber: Akhbar New Straits Times



Memandu Selamat Pada Usia Emas:

Kaedah Beri Tumpuan Dan Tindak Balas

MEMANDU memerlukan perhatian dan pemandu perlu berupaya untuk bertindak balas dengan pantas terhadap keadaan yang timbul secara tiba-tiba.

Susulan daripada rencana PRIHATIN sebelum ini yang memaparkan bagaimana kecergasan fizikal memberi kesan terhadap pemanduan anda, dalam terbitan kali ini pula menerangkan kaedah mengurangkan masalah ketika memberi tumpuan serta tindak balas yang semakin berkurang sekali gus mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu dengan selamat.

Adakah anda mempunyai tanda-tanda tumpuan dan masa tindak balas yang berkurangan seperti berikut?

- Anda rasa keliru dengan semua papan tanda, isyarat, tanda jalan, pejalan kaki dan kenderaan yang perlu diberi perhatian ketika tiba di persimpangan.
- Sukar mengagak ruang atau jarak antara kereta sekali gus menjadikan lebih sukar untuk belok ke kanan di simpang atau bersaing dengan kenderaan apabila membelok.
- Memakan ubat yang membuatkan anda mengantuk.
- Anda sering sesat atau keliru.
- Anda rasa pening, mengalami sawan atau pitam.
- Anda tidak yakin boleh mengendalikannya kenderaan jika anda perlu laju atau ketika trafik sesak.
- Anda lambat nampak kereta keluar dari kawasan perumahan dan tepi jalan atau lambat sedar yang pemandu di hadapan anda sedang memperlambatkan atau memberhentikan kenderaan.

Apa yang anda boleh lakukan.

1. Rancang perjalanan atau laluan anda. Memandu di kawasan yang anda biasa dengan keadaan jalan dan corak lalu lintasnya.
2. Memandu pada waktu siang dan elakkan waktu puncak. Cari laluan alternatif yang kurang sesak.



3. Jarakkan kenderaan anda dengan kenderaan lain di hadapan. Cari penanda di hadapan anda seperti pokok, tanda jalan atau tiang lampu. Apabila kereta di hadapan anda melepasi penanda ini, kira "1001, 1002, 1003, 1004." Cuba wujudkan ruang yang mencukupi supaya anda dapat mengira sehingga 1004 sebelum anda tiba di tempat yang sama.

4. Apabila menghampiri persimpangan, sentiasa ingat untuk melihat kiri kanan jalan serta di hadapan.



5. Cuba belok ke kanan di persimpangan yang mempunyai lampu isyarat untuk membelok supaya lebih selamat. Kadang kala anda boleh mengelak daripada membelok ke kanan dengan membelok kiri pada simpang yang berikutnya. Dua kali belok ke kiri akan membawa anda ke jalan yang anda ingin pergi.

6. Sentiasa berawas dan memandang jauh ke hadapan supaya anda boleh mengagak apa yang akan berlaku dan merancang tindakan anda. Seorang penumpang boleh membantu tetapi jangan terganggu dengan perbualan!

Kesedaran diri menjadi kunci pemanduan selamat

Meskipun semua orang mahu memandu selamat yang mungkin, tiada siapa pun mahu menjadi ancaman kepada diri atau orang lain kerana mereka tidak lagi mampu memandu dengan selamat.

Bagaimanakah mahu terus memandu dengan selamat?

Walaupun orang berusia mengambil langkah yang sewajarnya apabila mereka dapat mengesan masalah dengan pemanduan mereka, malangnya, masalah seperti kesihatan am, tahap penglihatan atau kesan ubat yang diambil tidaklah begitu ketara. Sebab itu pemerhatian oleh orang tersayang dan profesional kesihatan adalah penting.

Kesedaran diri adalah penting. Kita boleh menilai dengan tepat kecergasan diri untuk memandu supaya boleh menyelaraskan tabiat memandu supaya kekal selamat di jalan raya. Dengan pengurusan diri, kita boleh mengekalkan mobiliti dengan memandu di samping menghadkan risiko pada diri dan orang lain.





Untuk Kereta Anda,
 Pusat Servis Wilayah Di Batu Caves,
 Selangor Menggunakan Hanya
 Peralatan Yang Terbaik Dan Menepati
 Piawaian Mutu Tertinggi Yang
 Ditetapkan Oleh SPANCO.



Proton Advance Diagnostic Tool (PADT):

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



Alat penjajaran roda berkomputer:

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng dengan menggunakan perisian komputer terkini.



Alat pam minyak enjin pneumatik & pengumpul sisa:

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak. Pembuangan sisa minyak mematuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.



Pengecas gas pendingin udara automatik:

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



Dispenser minyak enjin:

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin pada sukat yang tepat tanpa tumpahan.



Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu:

Melicinkan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan. Melalui sistem ini, sejarah kenderaan termasuk kerosakan yang pernah dialami boleh dicapai dalam masa sebenar secara dalam talian.



Kelekaan anda mungkin mengakibatkan kehilangan nyawanya.



**Pimpin Anak-Anak Anda Semasa Melintas.
Anda Mampu Mengubahnya.**